

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KEFAHAMAN PELAJAR UITM PUNCAK ALAM
TERHADAP PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH**

MUHAMAD AMIR RAHIMI BIN ROSEDI

Kertas ilmiah ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah

Diploma

Fakulti Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Oktober 2016

DEKLARASI

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam kertas ilmiah ini telah dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan Universiti Teknologi Mara. Ia adalah asal dan adalah hasil kerja diri saya sendiri, kecuali yang dinyatakan atau diakui sebagai kerja dirujuk sebaliknya. Kertas ilmiah ini belum diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik bagi apa-apa ijazah atau kelayakan lain.

Saya, dengan ini mengakui bahawa saya telah dibekalkan dengan peraturan akademik dan peraturan untuk uitm pasca siswazah, mengawal selia kelakuan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Muhamad Amir Rahimi Bin Rosedi

No. Matrik : 2014651582

Program : Diploma (Muamalat)

Fakulti : Fakulti Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Tajuk : Kefahaman Pelajar UiTM Puncak Alam Terhadap Pembayaran
Zakat Fitrah

Tandatangan :

Tarikh : Oktober 2016

ABSTRAK

Zakat merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima. Zakat adalah wajib dikeluarkan berdasarkan dalil al-Quran, as-Sunnah serta Ijmak ulamak. Mengabaikan zakat adalah dosa besar. Mengingkari kewajibannya akan membuat seseorang muslim itu murtad dari agama. Ia merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima. Namun begitu, masih ada yang kurang memahami tentang pembayaran zakat terutama sekali melibatkan pelajar universiti kerana mereka masih tidak berkelayakan untuk membayar zakat. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sejauh mana kefahaman pelajar UiTM Puncak Alam terhadap pembayaran zakat, masalah-masalah berkaitan pembayaran zakat serta faktor-faktor yang melayakkan seseorang membayar zakat. Seramai 100 orang pelajar UiTM kampus Puncak Alam telah terlibat dalam kajian ini.

Kajian ini merupakan satu percubaan untuk mengaetaahui sejauh mana kefahaman para pelajar UiTM Puncak Alam terhadap pembayaran zakat di samping menerangkannya. Pendekatan kajian ini bercorak soal selidik, perbandingan dan penerangan. Bab pertama menerangkan tentang pengenalan zakat. Selain itu, kenyataan masalah zakat fitrah juga dimuatkan dalam bab yang pertama ini. Tidak lupa juga matlamat, skop, objektif serta kepentingan kajian juga diselitkan dalam bab yang pertama. Bab kedua pula menumpukan lebih kepada konsep dan fakta berkaitan zakat itu sendiri. Tahap pembangunan zakat dari ia mula diperkenalkan hinggalah ke masa kini turut dimuatkan dalam bab yang kedua. Dalam bab kedua inilah konsep tentang zakat diterangkan dengan lebih terang dan jelas. Bab ketiga berkisar tentang metodologi kajian. Ini bermaksud kaedah kajian itu dijalankan turut dimuat dalam bab ini. Tentang masa, tempat serta cara-cara kajian dijalankan diselitkan dan menjadi satu bab. Bab keempat berkaitan analisa dapatan kajian. Ia juga melibatkan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden, kemudian diambil dan dibandingkan mengikut piawaian tertentu. Akhirnya bab ini ditutup dengan kesimpulan hasil dari kaji selidik yang dilakukan dan mengenalpastian terhadap tahap kefahaman responden berkaitan pembayaran zakat fitrah.

SENARAI KANDUNGAN

DEKLARASI	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv-vi
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	2
1.3 Matlamat Kajian	2
1.4 Objektif	2
1.5 Skop Kajian	3
1.6 Latar Belakang Kajian	3
1.7 Konsep-Konsep Berkaitan Zakat	4
1.8 Dalil-Dalil Berkaitan Zakat	5
1.9 Sejarah Dan Perkembangan Zakat	7
1.9.1 Zaman Sebelum Islam	7
1.9.2 Zaman Pra Islam	8
1.9.3 Zaman Awal Islam	9
1.9.4 Zaman Madinah	9
1.9.5 Zaman Perkembangan Negara Islam	10
1.9.6 Zaman Abu Bakar as-Siddiq	11

1.9.7	Zaman Umar al-Khattab	11
1.9.8	Zakat di Malaysia	13

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Kajian Masa Lalu	18

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	21
3.1.1	Kajian Awal	23
3.1.2	Penyediaan Borang Soal Selidik	23
3.1.3	Pengumpulan Data	23
3.1.3.1	Data-data Primer	23
3.1.3.2	Data-data Sekunder	24
3.1.4	Penganalisaan Data	24
3.1.5	Rumusan Dan Cadangan	24